

31 DEC 2001

Ling-Mahathir

INDERA KAYANGAN: PEMIMPIN MCA BERTEMU SABTU INI

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata semua pemimpin MCA akan bertemu pada 5 Jan untuk membincangkan rancangan berkempen bersama bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan.

"Kami akan berkempen sebagai satu pasukan MCA untuk Barisan Nasional (BN). Tiada siapa pun terkecuali," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu akan diadakan di Bilik Operasi BN Indera Kayangan.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan siapa yang akan menghadiri mesyuarat itu.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, terdahulu menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya.

Dr Ling berkata beliau dan Dr Mahathir telah membincangkan mengenai pilihan raya kecil itu.

Menurutnya mereka mengada perbincangan meluas mengenai calon BN dan beliau telah mengemukakan nama calon berpotensi bagi pilihan raya kecil itu kepada Dr Mahathir.

"Kini, terpulang kepada Perdana Menteri untuk memutuskannya," kata beliau.

Dr Ling menganggap pertemuan itu sebagai "sangat lama dan sangat baik".

Kerusi Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan kosong berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Khor Liang Tee pada 19 Dis lepas.

-- BERNAMA

ES NM NAK